

## PENERIMAAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN BERITA DALAM TALIAN (ON-LINE)

**Mohd. Baharudin Othman**

**Mohd. Khairie Ahmad**

**Mohd. Hafidz Hussein**

**Suhaini Muda**

Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia

### ABSTRAK

Kajian eksploratori ini menganalisis tahap kebolehpercayaan berita dalam talian (on-line). Sejumlah 600 pelajar institusi pengajian tinggi telah terlibat dalam kajian ini. Tahap kebolehpercayaan berita on-line ini telah dinilai dengan menggunakan instrument Gaziano and McGrath News Credibility Scale. Hasil kajian menunjukkan bahawa perolehan berita secara on-line adalah ditahap rendah. Walau bagaimanapun dari segi tahap kepercayaan terhadap berita on-line dapat disimpulkan sebagai sederhana. Selain itu faktor-faktor demografi juga didapati tidak menunjukkan nilai yang signifikan dengan kebolehpercayaan berita on-line.

### PENGENALAN

Memandangkan masyarakat menjadikan media massa sebagai sumber utama memperoleh maklumat, maka media massa seharusnya memastikan kebolehpercayaannya dipertahankan. Andaian asas kajian-kajian kebolehpercayaan media ialah kebolehpercayaan sesuatu media atau saluran akan mempengaruhi kesan terhadap mesej atau maklumat yang disampaikan (Lee, 1978). Di Malaysia kajian terhadap kebolehpercayaan sumber maklumat atau media dilakukan saban masa. Syed Arabi (2002) telah mengkaji kebolehpercayaan media massa di Malaysia sejak 1990 sehingga 2001. Seperti juga Mohd. Khairie, Mohd. Taib dan Saidathul (2001) dan Mohd. Khairie, Azizan dan Mohd. Hafidz (2001), adalah didapati umumnya masyarakat Malaysia mempunyai tahap kebolehpercayaan yang positif terhadap media massa di Malaysia.

Pada masa yang sama juga institusi-institusi antarabangsa seperti World Press Freedom Committee dan juga institusi-institusi domestik ada menerbitkan laporan yang media massa di Malaysia bersifat bias, tidak telus dan dikongkong (Walden, 2001). Laporan sebegini pastinya memberi implikasi terhadap kredibiliti media massa di Malaysia. Daripada kajian-kajian lepas di Malaysia, didapati bahawa kajian tersebut adalah lebih bersifat umum. Kebanyakan kajian yang dilakukan tertumpu terhadap faktor sumber atau saluran sahaja. Sedangkan kajian media yang menyeluruh seharusnya juga memberi tumpuan terhadap mesej atau berita yang disampaikan (Wimmer dan Dominick, 2003; Zaharom, 2003; Kuo dan Lee, 2003; Sundar, 1999; Rubin, Palmgreen dan Sypher, 1994). Sebagaimana andaian kontemporari bidang komunikasi yang menjelaskan bahawa khalayak atau masyarakat adalah bersifat aktif bukannya pasif (Baran & Davis, 2003), maka kajian-kajian berhubung media sewajarnya memberi penekanan kepada khalayak yakni bagaimana mereka menilai sesuatu mesej daripada sesuatu media.

\* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-2, anjuran Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia pada 18-19 Dis. 2004 di Langkawi, Kedah.

Dengan ledakan teknologi komunikasi, maklumat menjadi semakin banyak dan meluas. Kini perolehan maklumat, laporan atau berita menerusi media baru seperti internet telah menjadi satu rutin. Malah adalah tidak keterlaluan juga andai dikatakan perolehan maklumat menerusi internet sudah merupakan satu budaya masyarakat kita terutamanya di kalangan golongan remaja. Hatta syarikat-syarikat media juga tidak ketinggalan mempersempbahkan produk mereka menerusi penggunaan teknologi digital. Malah pada masa yang sama juga terdapat banyak institusi media 'haram' yang beroperasi menyalur berita kepada masyarakat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Satu isu yang muncul hasil ledakan digital ini ialah persoalan kebolehpercayaan media baru dan berita yang disalurkan menerusi sistem media baru ini seperti internet. Sejak popularnya dan berkembangnya teknologi komunikasi digital, pelbagai fenomena seperti fitnah, laporan palsu, berita yang negatif, manipulasi akses maklumat telah berlaku. Lebih membimbangkan ialah apabila berita-berita tersebut diterima dan dijadikan fakta dalam sesuatu perkara. Sebagaimana dinyatakan oleh Johnson dan Kaye (1998), ciri asas internet yakni keupayaan capaian bebas untuk menyebarkan dan memperoleh maklumat tanpa sebarang saringan boleh membantut kebolehpercayaan terhadapnya sebagai sumber maklumat.

Lebih membimbangkan lagi ialah, tidak seperti media cetak dan elektronik yang lain, internet kekurangan dari segi editorial dan gatekeeping. Hal ini berpotensi mengundang masalah dan adakalanya berupaya menyumbang kepada masalah sosial dan juga ketegangan masyarakat. Justeru itu memahami dan mengetahui kepercayaan terhadap berita dalam talian adalah penting. Ia bukan sahaja untuk memahami khalayak tetapi juga menjangkakan potensi dan implikasi media baru.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenalpasti penerimaan dan kebolehpercayaan berita menerusi media baru atau internet. Secara khususnya, menerusi kajian ini akan diketahui amalan memperoleh berita dalam talian (on-line) di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Di samping itu juga dapat dikenalpasti komponen yang menyumbang kepada kebolehpercayaan berita dalam talian.

## **LIPUTAN KAJIAN LEPAS**

Kebolehpercayaan terhadap media ditafsirkan dengan pelbagai perspektif menurut pandangan pengkaji terlibat. Antara dimensi yang dikaji termasuklah cara penyampaian sesuatu berita, berita yang dilaporkan tidak ditokok tambah, ketepatan berita, berita tidak bersifat bias dan sebagainya (Beaudoin, Christopher, Thorson, Esther, 2002). Kebanyakan pengkaji mengkaji dimensi yang dapat mengukur tahap kebolehpercayaan masyarakat terhadap media massa. Ini disebabkan media memainkan peranan penting dalam proses pembangunan minda dan intelek di kalangan masyarakat hari ini. Masyarakat semakin hari semakin bijak menilai kesahihan sesuatu berita yang disalurkan sama ada melalui berita akhbar, televisyen, radio dan online/internet.

Kajian yg dijalankan oleh James Watt, Junho Choi dan Michael Lyneh (2003), hasil kajian ke atas lima dimensi mendapatkan berita online/internet mempunyai tahap kebolehpercayaan yang lebih tinggi berbanding berita televisyen dan media massa yang lain. Lima dimensi yang dijadikan kayu pengukur adalah kebolehpercayaan berita (*believability*), ketepatan berita (*accuracy*), ketelusan berita (*trustworthiness*), bias dan berita yang lengkap (*completeness*). Sementara lima media yang dikaji adalah internet, televisyen, suratkhabar, majalah dan radio. Kajian ini lebih menekankan perbezaan pengaruh berita berkenaan antara lelaki dan perempuan. Perbandingan dilakukan secara terperinci antara lelaki dan perempuan terhadap sesuatu dimensi yang dikaji.

Di samping itu, pengguna online menilai kebolehpercayaan terhadap sesuatu berita mengikut perspektif yang berbeza berdasarkan kandungan sesuatu laman web (Fogg, Leslie, Julianne & Ellen, 2002). Ini dikaitkan dengan jenis dan kategori berita yang terdapat dalam laman web tersebut. Kajian oleh Howard & Martha (2000) mendapatkan terdapat tiga perkara utama untuk pengguna online menjelaskan tentang kredibiliti iaitu ketepatan maklumat, maklumat yang lengkap dan ketelusan berita tersebut.

Kebolehpercayaan terhadap media ditentukan oleh karektor media atau saluran termasuk pilihan yang bersesuaian dengan kehendak penerima bila memproses mesej. Pilihan ke atas media bergantung kepada karektor mesej termasuklah penerimaan maklum balas yang cepat, fokus peribadi, bahasa yang mudah difahami dan sebagainya. (Gilman, Stuart, Turner, Jeanine, 2001).

Tahap kebolehpercayaan kandungan berita akhbar dinilai berdasarkan kepercayaan pembaca akhbar terhadap wartawan dan syarikat akhbar tersebut (Folkerts & Stephen, 2001). Ketepatan maklumat adalah amat penting dalam konteks untuk memastikan pembaca memahami penyampaian sesuatu mesej. Berita yang dilaporkan seharusnya tidak bersifat bias atau prejedis dengan membuat pelbagai andaian atau spekulasi.

Bergman (2004) mengkaji persepsi pengguna internet terhadap kredibiliti dan kualiti penyaluran informasi kesihatan menerusi laman web. Penilaian pengguna ke atas sumber informasi turut memberi impak ke atas tahap kebolehpercayaan mereka terhadap kesahihan informasi tersebut.

Menurut Seaton (1999), khalayak membuat penilaian terhadap kebolehpercayaan berita menerusi dua elemen utama iaitu fakta atau konteks berita dan berita yang bersifat neutral yakni tidak bias. Peranan editor dalam memastikan berita yang disalurkan dikemaskini dan bersifat terkini adalah penting bagi meyakinkan khalayak atau pembaca berita terhadap ketepatan berita tersebut. Selain itu pengamal media seharusnya menerangkan polisi dan perundangan untuk meningkatkan tahap kebolehpercayaan khalayak terhadap media (McFarlin, 1998/99).

Kebolehpercayaan terhadap media dicapai apabila media bersedia untuk melaporkan berita secara objektif, seimbang dan berdasarkan kebenaran (Syed Ahmad Idid, 2001). Menurut kajian yang dijalankan oleh Online News Association's Digital Journalism Credibility Project (2002), pengguna online lebih menitikberatkan ketepatan berita berbanding masa penerimaan berita (*timeliness*). 82.5 peratus menyatakan berita televisyen adalah sumber yang paling tinggi tahap kebolehpercayaannya diikuti dengan akhbar tempatan. Kajian ini turut mengkaji kredibiliti radio dan majalah. Selain itu faktor demografi juga tidak terkecuali dalam mempengaruhi penggunaan berita online (Syed Arabi & Saodah Wok, 2002; Rasha, Garrison, Salwen, Driscoll dan Casey, 2002).

## PERSOALAN KAJIAN

Sebagaimana yang dijelaskan, penyebaran berita secara dalam talian sesuatu yang tidak boleh disekat. Namun implikasi yang dihasilkannya masih dapat diurus jika sistem dan amalan berita tersebut difahami secara kompleks. Oleh yang demikian bagi memahami hubungan berita dengan khalayak maka penting untuk diketahui kebolehpercayaan yang wujud. Schweiger (1998) mengenalpasti yang kajian kebolehpercayaan berita on-line menjadi semakin penting ketika berlakunya fenomena limpahan maklumat. Memahami fenomena ini khususnya di kalangan generasi muda sesuatu yang dapat menyumbang jangkaan masa depan. Oleh itu kajian ini yang memberi fokus kepada pelajar IPT akan menjawab persoalan kajian berikut :

- i. Apakah tahap penerimaan dan kebolehpercayaan berita on-line di kalangan pelajar IPT.
- ii. Apakah perkaitan faktor demografi dengan tahap kebolehpercayaan berita on-line.
- iii. Apakah tahap kebolehpercayaan berita on-line mengikut jenis berita.

## METOD KAJIAN

Sampel kajian ini adalah sejumlah 600 pelajar IPT di Semenanjung Malaysia. Sampel dipilih dari 4 buah IPT yang merangkumi 4 zon iaitu zon Utara, Pantai Timur, Tengah dan Selatan. Data-data dikumpul dengan menggunakan News Credibility Scale oleh Gaziano dan McGrath (1986) yang telah dimodifikasi oleh Rubin, Palmgreen dan Sypher (1994) dengan nilai alpha 0.78 . Soal selidik yang dikendalikan adalah secara soal selidik tadbir sendiri.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Penerimaan dan Kebolehpercayaan

Jadual 1 : Peratusan Capaian Internet dan Penggunaan Emel

	Akses Internet	Guna Emel
Sehari seminggu	86 (14.3%)	110 (18.3%)
Dua hari seminggu	86 (14.3%)	107 (17.8%)
Tiga hari seminggu	133 (22.2%)	120 (20.0%)
Empat hari seminggu	94 (15.7%)	71 (11.8%)
Lima hari seminggu	90 (15.0%)	70 (11.7%)
Enam hari seminggu	39 (6.5%)	37 (6.2%)
Tiap-tiap hari	72 (12.0%)	85 (14.2%)

Umumnya boleh dikatakan bahawa responden menunjukkan bahawa mereka mempunyai amalan menggunakan media baru atau internet yang baik. Kekerapan mencapai internet menunjukkan secara umumnya responden menggunakan internet sekurang-kurangnya 3 hari seminggu. Begitu juga dengan penggunaan emel. Maka boleh dikatakan bahawa amalan memperoleh dan menyampaikan maklumat menerusi teknologi baru ini adalah baik.

**Jadual 2: Kekerapan Melayari Laman Web Berita**

	Kekerapan	Peratusan
Sehari seminggu	109	18.2
Dua hari seminggu	88	14.7
Tiga hari seminggu	126	21.0
Empat hari seminggu	88	14.7
Lima hari seminggu	59	9.8
Enam hari seminggu	30	5.0
Tiap-tiap hari	100	16.7


Jika diteliti pula secara khusus amalan memperoleh berita menerusi dalam talian (on-line), ia ada menunjukkan persamaan dalam amalan mencapai internet. Secara puratanya setiap responden akan melayarai laman web untuk mendapatkan berita sekurang-kurang 3 hingga 4 hari seminggu ( $n=600$ ,  $\text{min}=3.70$ ). Ini menunjukkan tahap penerimaan terhadap berita secara dalam talian ini adalah baik.

**Jadual 3: Kekerapan Membaca Berita On-line**

	Kekerapan	Peratusan
Sehari seminggu	119	19.8
Dua hari seminggu	78	13.0
Tiga hari seminggu	112	18.7
Empat hari seminggu	100	16.7
Lima hari seminggu	47	7.8
Enam hari seminggu	35	5.8
Tiap-tiap hari	109	18.2

Manakala apabila diteliti pula dari segi kekerapan membaca berita secara on-line, boleh dikatakan polanya hampir sama dengan apa yang dibincangkan sebelum ini. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa penerimaan dan amalan mendapatkan atau menggunakan berita secara on-line ini adalah konsisten. Berdasarkan jadual di atas, majoriti atau 68.2% responden membaca berita on-line antara 1 hingga 4 hari seminggu.

**Rajah 1: Perbandingan Di Antara Kekerapan Melayari Internet Dan Membaca Berita On-Line**




Seperkara lagi, hasil analisis data mendapati responden mempunyai tahap kepercayaan bahawa wujud privasi untuk mendapatkan maklumat menerusi penggunaan internet yang agak memuaskan. Merujuk Jadual 4 di bawah, 86.2% responden memberi penilaian yang positif terhadap tahap privasi (n=600, min=2.67)

**Jadual 4: Tahap Privasi Mengguna Internet**

Skor	Kekerapan
5 - tinggi	27 (4.5%)
4	240 (40.0%)
3	250 (41.7%)
2	72 (12.0%)
1- rendah	11 (1.8%)


Walau bagaimanapun hasil analisis menunjukkan bahawa sungguhpun tahap penerimaan berita on-line adalah baik di kalangan responden, tetapi ia bukanlah sumber saluran berita yang utama. Berdasarkan Rajah 2 di sebelah, televisyen dikenalpasti sebagai saluran berita utama dengan peratusan 45.5%, diikuti oleh akhbar (41%) dan radio (8.5%). Manakala saluran on-line hanya menunjukkan peratusan yang paling rendah dengan 5% sahaja.

**Rajah 2: Pilihan Saluran Berita**



Penerimaan dan juga amalan berita on-line ini boleh juga ditinjau dari aspek tempoh pembacaannya. Rajah 3 menunjukkan bahawa umumnya majoriti responden meluangkan masa selama kurang dari 1 jam dengan peratusan 57.2%. Ini diikuti dengan tempoh masa 1 hingga 2 jam (30.7%), 2 hingga 3 jam 9.8% dan lebih dari 3 jam hanya 2.3%.

Rajah 3 : Tempoh Pembacaan Berita On-line



#### Dimensi Kebolehpercayaan dan Jenis Berita

Kebolehpercayaan berita dalam kajian ini telah diukur berdasarkan 11 dimensi sebagaimana menurut Gaziano dan McGrath. Analisis data berhubung perkara ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan tahap kebolehpercayaan berita on-line adalah tinggi dan positif ( $n=600$ ,  $min=3.23$ ). Dimensi kebolehpercayaan yang tinggi ialah berita semasa dan berita terkini. Manakala dimensi yang paling rendah pula ialah berita sebenar.

Jadual 5: Dimensi Tahap Kebolehpercayaan

Dimensi Kebolehpercayaan	mln	sp
1. Laporan dipercayai	3.17	.923
2. Berita semasa	3.52	.788
3. Neutral	3.30	.785
4. Menyeluruh	3.12	.876
5. Berita sebenar	2.83	.869
6. Berita jujur	3.19	.765
7. Terkini	3.50	.807
8. Kebenaran	3.12	.817
9. Seimbang	3.24	.845
10. Tepat	3.06	.826
11. Ada kesesuaian	3.43	.856
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.23</b>	<b>.473</b>

Jika ditinjau keutamaan kategori berita on-line yang kerap di baca, didapati berita antarabangsa menunjukkan tahap kebolehpercayaan tertinggi diikuti berita nasional dan seterusnya berita tempatan sebagaimana menurut Jadual 6.

**Jadual 6: Tahap Kebolehpercayaan Mengikut Kategori**

Jenis Berita	Min	sp
1. Tempatan	2.71	.832
2. Nasional	2.87	.585
3. Antarabangsa	3.43	.844

**Jadual 7: Tahap Kebolehpercayaan Mengikut Jenis Berita**

Jenis Berita	Min	sp
1. Politik	3.12	1.53
2. Ekonomi	3.43	1.20
3. Sukan	3.25	1.41
4. Hiburan	2.60	1.38
5. Sosial	2.74	1.54

Analisis tahap kebolehpercayaan berdasarkan jenis berita memperlihat berita ekonomi mencatatkan nilai yang paling tinggi ( $n=600$ ,  $\text{min}=3.43$ ). Manakala berita berunsur hiburan pula menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang paling rendah ( $n=600$ ,  $\text{min}=2.60$ ). Namun secara keseluruhannya semua jenis berita menunjukkan tahap kebolehpercayaan on-line yang positif.

#### Perkaitan Demografi dan Kebolehpercayaan Berita

**Jadual 8: Ujian-T Jantina Dengan Kebolehpercayaan**

D1 Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
lelaki	242	3.2085	.54452	.03500
perempuan	358	3.2405	.41851	.02212

Hasil Ujian-T menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifiken dengan nilai .000. Ini bermakna bahawa jantina ada menyumbang kepada kelainan kebolehpercayaan berita on-line.

**Jadual 9: Ujian ANOVA Bangsa Dengan Kebolehpercayaan**

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	.510	3	.170	.758	.518
Within Groups	133.622	596	.224		
Total	134.132	599			

Nilai p 0.518 seperti yang ditunjukkan pada jadual di atas menunjukkan bahawa faktor bangsa tidak mempunyai perbezaan yang signifiken dengan tahap kebolehpercayaan berita on-line. Pada asasnya ini menunjukkan bahawa bangsa seseorang itu tiada perkaitan dengan tahap kebolehpercayaannya terhadap berita on-line.

Ujian ANOVA turut dilakukan terhadap beberapa aspek lain seperti bidang pengajian responden, tahun pengajian dan latar persekolahan. Hasil ujian menunjukkan tiada perbezaan yang signifiken di antara ciri demografi tersebut dengan kebolehpercayaan berita on-line.

## RUMUSAN

Kebolehpercayaan berita on-line merupakan satu skop kajian yang kian penting dan berguna. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan media on-line sebagai sumber berita adalah baik. Dari segi amalan-amalan yang dibuktikan menerusi data kajian ini dapat disimpulkan bahawa responden selaku generasi muda yang bakal menjadikan berita on-line sebagai salah satu sumber maklumat seiring dengan zaman.

Selain menerima dari segi amalannya, berita-berita yang dipaparkan secara on-line menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik. Kesemua dimensi kebolehpercayaan mencatatkan tahap yang positif. Ini menjelaskan potensi berita on-line untuk dijadikan sumber maklumat serta berita kontemporari. Fenomena ini juga akan memberi kesan positif terhadap media konvensional yang lain. Adalah dijangkakan media konvensional akan menjadi lebih kompetatif dan dinamik dalam usaha berasing dengan media baru. Kebolehpercayaan berita on-line dilihat cenderung terhadap dimensi berhubung masa.

Sementara itu perkaitan faktor demografi dengan kebolehpercayaan berita on-line di kalangan responden tidak begitu menunjukkan perbezaan. Ini menunjukkan bahawa teknologi media baru ini berjaya mengurangkan jurang pengguna. Oleh itu keupayaan berita secara on-line diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat adalah berpotensi.

Keseluruhannya masyarakat khususnya generasi muda memperlihatkan penggunaan dan pergantungan kepada media yang pelbagai dan kontemporari. Memandangkan sambutan, pergantungan dan kepercayaan yang positif terhadap media baru untuk mendapatkan berita atau maklumat, maka usaha-usaha kawalan dan pengurusan media baru yang lebih mantap diperlukan. Antaranya, undang-undang dan dasar yang dinamik diperlukan. Sebagaimana menurut Flanagan dan Metzger (2000), limpahan maklumat dan kebebasan maklumat yang menjadi asas media baru memerlukan pengesahan kebolehpercayaan yang lebih berkesan.

## RUJUKAN

- American society of Newspaper Editors (ASNE). (1999). Examining our credibility : Perspectives of the public and the press. <http://www.asne.org>.
- Bear MJ. (2002). News credibility: Clarity starts at home. <http://www.mediacenter.org>.
- Bergman M.J.D. (2004). The impact of completeness and web use motivation on the credibility of e-health information. *Journal of Communication* 2004, 54:253-269.
- Fogg E.J, Leslie M., Julianne S. & Ellen R.T (2002). How Do People Evaluate A Web Sites Credibility. Laporan penyelidikan.
- Forkerts J. & Lacy Stephen (2001) *The Media In Your Life*.2nd ed. USA : Library Of Congress Cataloging. In Publication Data.
- Gilman, Stuart C. ; Turner, Jeanine Warisse. *Journal of Continuing Education in the Health Professions*, Summer 2001, Vol 21 Issue 3, p134, 6p
- Howard I. F & Martha L.S (2000). *Digital Journalism Credibility Study*. Vermont : Knight Foundation.
- James W., Junho Choi, Michael L. (2003). Credibility of Internet and Other Media As Sources of Information About the Iraqi War.
- Kiousis & Spiro (2001). Public trust or Mistrust? Perceptions of Media Credibility in the Information Age. *Mass Communication & Society*. Nov 2001, Vol 4 Issue 4, p381, 23p

- Kuo, E. & Lee, C.W. (2003). Communication Education and Research in Singapore: Past, Present and Future', kertas kerja dibentangkan di International Conference on Media Educationand Training, The Tun Razak Conference anjuran Universiti Malaya dan Ohio University.
- Lynch, D. (ed.)(2002). Digital Journalism Credibility Study. Vermont: Knight Foundation.
- Flanagan, A.J. & Metzger, M.J. (2001). Internet Use in The Contemporary Media Environment. *Human Communication Research*, 27(1), 153-181
- Merli & John (2000). A Question Of Credibility. *Broadcasting & Cable*, 10686827, Nov2000, Vol 130, Issue 38.
- Mohd. Khairie Ahmad, Mohd. Hafidz Hussein & Azizan Husain (2001). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Amalan Dan Penggunaan Akhbar Bahasa Melayu*. Laporan penyelidikan tidak diterbitkan.
- Rasha Abdulla, Garrison, B. & Salwen, M. (2002). The Credibility of Newspaper, Televisyen News, and Online News. Kertas kerja dibentang di Konvensyen Tahunan Association for Education in Journalism and Mass Communication, Miami.
- Richard M. D, William O.B & Jesse E.T.J. Variations in Consumer Perceptions of Media Credibility Across Information Categories. *Journal of Applied-Communication Research*, Apr 79, Vol 7, Issue 1, p9,5p
- Rochelle T.L & David R. (1996). What is the most Credible News Medium today? *Public Relations Tactic* ; Aug 96, vol.3 Issue 8,p 27.
- Sundar, S. (1999). Exploring Receivers' Criteria for Perception of Print and Online News. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 76(2), 373-386.
- Syed Ahmad Idid. (2001). Free Speech & the constitution- with special reference to the media- 8 Nov 2001. Kertas kerja dibentangkan di UKM, Bangi.
- Syed Arabi Idid & Saodah Wok (2002). Media Credibility : A Longitudinal Perspective. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi anjuran UUM pada 11-12 Februari 2002.
- Yoshiko Nozato (2002). *Credibility of Online Newspaper*. Ohio University : AEJMC 2002 Miami Beach Convention.
- Zaharom Nain (2003). Media Role in a k-economy: Media Studies and Perticipation in the Transformation of Malaysia Society', kertas kerja dibentangkan di International Conference on Media Education and Training, The Tun Razak Conference anjuran Universiti Malaya dan Ohio University.